



---

## **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**3 JANUARI 2023 (SELASA)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

---

**3 JANUARI 2023 (SELASA)**

## Sistem perlindungan sosial baharu sedang dibincangkan

**SHAH ALAM** - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub memaklumkan bahawa kementeriannya sedang melaksanakan perbincangan bagi program Sistem Perlindungan Sosial Baharu dalam negara.

Beliau berkata, proses yang masih di peringkat perbincangan itu dilakukan bersama tokoh ekonomi universiti utama tempatan yang bersedia menyumbang kapakaran mereka dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Menurut Salahuddin, itu merupakan antara sembilan langkah dilaksanakan dalam tempoh sebulan selepas beliau menjawat jawatan tersebut.

Antara tindakan lain diambil beliau adalah mengadakan sesi libat urus dengan pemain industri minyak sawit dan simen serta melancarkan Ops Terjah selama satu bulan bagi tujuan mengawal ketabilan bekalan dan harga barang keperluan asas.

Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulai berkata, kementeriannya turut mengatur perancangan program baharu KPDN iaitu Bakul Rahmah melalui perbincangan bersama pemain industri seperti 99 Speedmart, Mydin, NSK dan Giant.



SALAHUDDIN

"Program baru Rezeki Suri juga telah dicadangkan bersama semasa libat urus dengan Dewan Perniagaan Islam Malaysia. Kementerian sedang meneliti pelaksanaannya dalam kadar segera," katanya dalam satu hantaran di Facebook pada Ahad.

Salahuddin berkata, mendangkan KPDN tidak bersendirian dalam mendepani agenda besar menangani isu kos sara hidup, sesi kerjasama juga dijalankan di peringkat tertinggi ke menteri lain iaitu Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Kementerian Ekonomi.

Katanya, Sekretariat Tetap rentas ke menteri juga telah diputuskan bagi melaksanakan segala dasar dan strategi kementerian yang terlibat dengan agenda kos sara hidup.

Salahuddin berkata, dalam tempoh tersebut, kementeriannya juga menggerakkan serta-merta program 'FoodBank' bagi membantu membekalkan makanan segera kepada pasukan barisan hadapan dalam tragedi tanah runtuhan di Batang Kali dan banjir besar di Kelantan, Terengganu serta Johor.

Selain itu, beliau juga telah melakukan aktiviti turun padang ke beberapa premis perniagaan bagi melihat sendiri isu kekurangan barang bersubsidi seperti telur ayam dan minyak masak tulen.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : SELASA  
TARIKH : 3/1/2023  
M/SURAT : 16

Senarai Harga Barang Keperluan	
Ayam	RM7.99
Daging Lembu Tempatan	RM36
Daging Lembu Import	RM30.99
Telur Gred A	RM13.50
Ikan Kembung	RM13.80
Minyak Masak	RM6.76
Gula Pasir	RM2.80
Bawang Besar Holland	RM3
Bawang Putih	RM4.88
Cili Merah	RM7.99
Kubis Bulat Tempatan	RM2.49
Tepung Gandum	RM3.30

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPQHHEP

BERITA ONLINE BERTARIKH 3 JANUARI 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
3-Jan	Sabah allows import of pork to meet festive demands	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/01/02/sabah-allows-import-of-pork-to-meet-festive-demands/48091">https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/01/02/sabah-allows-import-of-pork-to-meet-festive-demands/48091</a>	MALAYMAIL
3-Jan	Sabah allows import of pork to meet festive demands	<a href="https://www.google.com/amp/s/malaysia.news.yahoo.com/amphtml/sabah-allows-import-pork-meet-094024967.html">https://www.google.com/amp/s/malaysia.news.yahoo.com/amphtml/sabah-allows-import-pork-meet-094024967.html</a>	MALAYSIA.NEWS.YAHOO